

21 OCT 1999

WANITA UMNO HARUS KETENGAH ISU YANG DIBANGKIT PEMBANGKANG

PORT DICKSON, 21 Okt (Bernama) -- Anggota Pergerakan Wanita UMNO diarahkan supaya mengetengahkan semua isu yang dibangkitkan oleh parti pembangkang di kawasan mereka, ke peringkat bahagian atau perhubungan Umno negeri.

Ketua Pergerakan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata langkah itu bertujuan supaya isu-isu berkenaan dapat dipatahkan atau diberi penjelasan agar rakyat tidak terkeliru dengan tuduhan pembangkang.

"Mereka hendaklah meningkatkan keyakinan dan keberanian untuk melawan balik segala tuduhan yang dilemparkan oleh pembangkang," katanya kepada pemberita selepas menutup kursus tiga hari kepimpinan menghadapi pilihan raya Pergerakan Wanita Umno Bahagian Lembah Pantai, di sini, hari ini.

Katanya, anggota Pergerakan Wanita Umno harus menunjukkan ketegasan seperti yang telah ditunjukkan oleh Perdana Menteri dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata semua anggota pergerakan itu tidak harus berasa "lemah semangat" dengan kaedah yang digunakan parti pembangkang.

Katanya, pergerakan itu akan meningkatkan cara pendekatan untuk memberi penjelasan balas dalam menarik sokongan kumpulan "atas pagar".

"Yang penting di sini ialah kita turun untuk mendapatkan sasaran atau pengundi kita. Sebab itu kita membuat latihan atau bancian terhadap pengundi."

-- BERNAMA

RP NMO